



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN UBAH SYARAT-SYARAT LESEN KENDERAAN PELANCONGAN BAGI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

1. JENIS PENGUBAHAN LESEN KENDERAAN PELANCONGAN

1.1. Perubahan nama syarikat –

Setelah mendapatkan kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.

1.2. Perubahan alamat syarikat –

Setelah mendapatkan kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.

1.3. Pertukaran nombor enjin/ chasis –

Berdasarkan penukaran no. enjin/chasis di sijil pemilikan kenderaan.

1.4. Penggantian kenderaan –

Penggantian hanya dibenarkan bagi kenderaan lama atau yang telah melebihi had usia, dengan kenderaan baharu dalam kelas dan kapasiti enjin yang sama. Sekiranya syarikat memohon kenderaan selain daripada spesifikasi yang telah diluluskan, Syarikat hendaklah membuat permohonan lesen baharu.

1.5. Perubahan bilangan tempat duduk tertakluk kepada kelulusan PUSPAKOM dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) -

Bas persiaran :

- (a) 8-16 penumpang
- (b) 17-26 penumpang
- (c) 27-40 penumpang
- (d) 41-44 penumpang
- (e) 45 penumpang

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

2.1. Lesen kenderaan masih sah sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dari tarikh permohonan.

- 2.2. Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta 482 dan Seksyen 7 Akta 594, tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), dan tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

3. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- 3.1. Salinan lesen kenderaan pelancongan (bas persiaran / kereta sewa dan pandu).
- 3.2. Salinan sijil pemilikan kenderaan.
- 3.3. Justifikasi permohonan pengubahan / pelan kenderaan baru yang diluluskan oleh JPJ. (bagi permohonan perubahan bilangan tempat duduk).
- 3.4. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan status permohonan.

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui sistem Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST) di laman sesawang www.tourlist.gov.my.
- 4.2. Semua dokumen seperti dinyatakan di perenggan 3 hendaklah dimuatnaik ke dalam TOURLIST.
- 4.3. Permohonan yang tidak lengkap akan dikuiiri dan pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan yang ditetapkan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh kuiiri berkenaan. Sekiranya gagal mengemukakan dokumen dalam tempoh ditetapkan, permohonan adalah terbatal.

5. FI MEMPROSES

Fi memproses sebanyak **RM10.00** dikenakan bagi permohonan yang dikemukakan. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau secara dalam talian di www.tourlist.gov.my.

6. KEPUTUSAN PERMOHONAN

6.1. Keputusan permohonan boleh disemak melalui TOURLIST.

6.2. Bagi permohonan yang DILULUSKAN:

- (a) Syarikat hendaklah menjelaskan fi pengubahan lesen dan mengembalikan lesen asal. Surat kelulusan bersyarat boleh dimuat turun melalui **TOURLIST** setelah pembayaran fi pengubahan lesen diselesaikan.
- (b) Tempoh sah laku surat kelulusan bersyarat adalah satu tahun daripada tarikh kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.
- (c) Dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan, syarikat dikehendaki mendaftarkan kenderaan dengan pihak JPJ dan membuat pemeriksaan PUSPAKOM dan memuatnaik dokumen berkaitan di dalam TOURLIST untuk pengeluaran lesen. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan kelulusan terbatal secara automatik.
- (d) Dokumen yang diperlukan bagi pengeluaran lesen:
 - i. Borang spesifikasi kenderaan (Salinan MOTAC) yang telah lengkap diisi oleh JPJ;
 - ii. Laporan pemeriksaan PUSPAKOM; dan
 - iii. Salinan pemilikan kenderaan (JPJ); dan
 - iv. Salinan Salinan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*).

7. FI PENGUBAHAN LESEN

Fi sebanyak RM20.00 hendaklah dikemukakan apabila permohonan diluluskan dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara dalam talian di www.tourlist.gov.my.

8. PIAGAM KELULUSAN

7 hari bekerja dari permohonan lengkap, teratur dan sempurna oleh syarikat tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat, dasar serta prinsip yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini untuk dikemukakan ke MOTAC Negeri.

9. PERINGATAN

Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 594 jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana – mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

10. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Disember 2025.